

PERSEPSI MAHASISWA HINDU TERHADAP AMALAN KORBAN DALAM ISLAM

HINDU STUDENTS PERCEPTION OF THE SACRIFICE IN ISLAM

Nurhanisah Binte Senin¹, Nazneen Binti Ismail²,
Nurzatil Ismah Binti Azizan³, Zainory Bin Shafie⁴

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
11 MAC 2020	29 MAC 2020	30 APRIL 2020

ABSTRAK

Pelaksanaan ibadah korban merupakan salah satu syariat dalam Islam. Dalam konteks Malaysia sebagai negara yang terdiri daripada penganut pelbagai agama, ibadah korban yang melibatkan penyembelihan lembu yang dianggap suci dalam ajaran Hindu yang mungkin menimbulkan perasaan tidak senang dalam kalangan penganut Hindu. Justeru, kertas kerja ini bertujuan menganalisis persepsi masyarakat Hindu terhadap amalan korban Islam. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan instrumen soal selidik. Kajian mendapati tahap persepsi masyarakat Hindu adalah pada tahap baik dengan nilai min pada tahap yang tinggi iaitu 4.38. Walaupun terdapat ketidakselesaan apabila berhadapan dengan pelaksanaan ibadah korban, masyarakat Hindu tetap menghormati pelaksanaan ritual korban yang dijalankan oleh umat Islam. Ianya adalah hasil kefahaman dan toleransi yang tinggi dalam kalangan umat beragama dalam meraikan perbezaan dalam kerencaman. Tuntasnya, sikap toleransi terhadap agama lain hanya mampu diraih hasil daripada kefahaman serta rasa hormat yang wujud dalam kalangan penganut agama.

Kata kunci: Persepsi, korban, Islam, Hindu, lembu

ABSTRACT

The ritual of sacrifice is part of Islamic rituals. In Malaysia context consisting of multi-religious devotees, the sacrifice ritual involves slaughtering of cattle that is considered sacred in Hindu teachings may indirectly pose uncomfortable feeling among the Hindus. Hence, this paper aims to analyse the Hindus' perception towards the practice of Muslim sacrifice. This study is a quantitative in nature employing surveys as the main instrument. The perception level of the Hindu community is high with mean value at 4.38. Although there are discomforts when confronted with the ritual of sacrifice, the Hindus remain respectful of the implementation of the sacrifice rituals undertaken by the Muslim. It is the result of high level understanding and tolerance among religious community in embracing differences in diversity. It can be summed that attitude of tolerance towards members of other religions can only be achieved through understanding and respect among religious community.

Keywords: Perception, sacrifice, Islam, Hindu, cow

¹ Dr. Nurhanisah Binte Senin, Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. nurhanisah@kuis.edu.my

² Dr. Nazneen Binti Ismail Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

³ Dr. Nurzatil Ismah Binti Azizan Jabatan Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

⁴ Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

PENDAHULUAN

Ibadah korban dalam ajaran Islam bermaksud amalan menyembelih haiwan yang tertentu dengan niat untuk mendekatkan diri kepada Allah dalam waktu yang khusus (hari *Nahar* dan hari *Tasyriq*). Ibadah ini telah disyariatkan pada tahun kedua hijrah. Ia mempunyai kaitan rapat dengan peristiwa perintah Allah SWT kepada Nabi Ibrahim agar menyembelih anaknya, Nabi Ismail. Antara haiwan yang sah dijadikan korban adalah kambing, lembu, kerbau dan unta. Di Malaysia, lembu merupakan haiwan yang sering dijadikan korban berikutan mudah didapati di samping kos yang mampu biaya dan dagingnya dapat dinikmati lebih ramai orang berbanding haiwan lain. Namun begitu, penyembelihan lembu korban di Sekolah Kebangsaan Puchong Jaya pada tahun 2013 telah menimbulkan reaksi daripada masyarakat Hindu (Sinar Harian, 2013).

Ia berikutan menurut kepercayaan mereka, lembu merupakan haiwan yang suci, tidak boleh disembelih dan dimakan. Dalam ajaran Hindu, lembu diagungkan atas tiga faktor utama iaitu pertama lembu menjadi wahana kepada dewa, kedua lembu dianggap sebagai ibu selain ibu yang melahirkan, ketiga lembu menjadi haiwan peliharaan yang paling disanjung kerana banyak berbakti kepada manusia (D. N. Jha, 2009). Penghargaan masyarakat Hindu terhadap lembu dimanifestasikan menerusi sambutan hari Ponggal iaitu pesta menuai selama beberapa hari dan hari kedua daripada perayaan tersebut dikhususkan untuk memberi penghargaan kepada lembu peliharaan mereka (D. N. Jha, 2009).

Di India, terdapat gerakan yang aktif mendokong pegangan tersebut sehingga menyebabkan pergeseran agama serta pergaduhan dan pembunuhan. Kedudukan aktivis Hindu ini dilihat semakin agresif sejak pemerintahan perdana menteri Narendra Modi yang dilantik pada tahun 2014. Gerakan ini bersifat ekstrim dalam menghukum sesiapa sahaja yang didapati menyakiti, membunuh dan memakan daging lembu yang majoritinya terdiri daripada penganut Muslim. Mereka dipukul secara beramai-ramai di tempat awam sehingga mati.

Menurut laporan Reuters, terdapat sejumlah 63 serangan daripada kumpulan aktivis Hindu di antara 2010 dan pertengahan 2017 dan kebanyakannya berlaku selepas 2014 iaitu sejak pemerintahan Modi. Dalam serangan-serangan tersebut dianggarkan 28 orang terbunuh dan 24 daripadanya adalah Muslim manakala 124 lagi cedera ("Protests held across India after attacks against Muslims". Reuters. 28 June 2017). Hal ini menjadi semakin runcing apabila dalam sebuah pertemuan organisasi-organisasi Hindu di India, salah seorang aktivis Hindu secara lantang mencadangkan untuk membunuh sesiapa yang memakan daging di tempat awam (The Tribune India, 15 Jun 2017). Dalam laporan lain disebutkan seramai 280 orang yang cedera dalam lebih daripada 100 serangan di antara Mei 2015 sehingga Disember 2018 (Cow Vigilantes in India. Bloomberg. 20 Februari 2019). Gerakan ekstrimis ini yang kononnya mengangkat dan memelihara kedudukan lembu namun sebaliknya bergerak secara radikal membunuh dan menyakiti orang lain secara terbuka atas nama agama. Keganasan yang berlaku adalah hasil daripada semangat nasionalisme Hindu di India apabila parti Bharatiya Janata Party (BJP) mendapat mandat memerintah (The Tribune India, 15 Jun 2017).

Oleh kerana Malaysia merupakan sebuah negara bermasyarakat majmuk, maka perbezaan agama dan budaya adalah suatu perkara yang dimaklumi bersama. Namun, kebarangkalian untuk konflik berlaku tetap ada berpunca daripada kejahilan dalam memahami agama-agama selain yang dianuti. Untuk itu, kajian ini dilakukan bertujuan mengenalpasti persepsi masyarakat Hindu di Selangor berhubung penyembelihan lembu korban yang diamalkan masyarakat Muslim. Kaedah kajian adalah bersifat kuantitatif menggunakan instrumen soal selidik yang diedarkan menurut zon tertentu. Kajian ini dijangkakan dapat

memperkaya lagi perbincangan berkaitan hubungan antara agama di Malaysia ke arah mewujudkan masyarakat yang harmoni. Justeru, kajian ini akan menjelaskan dengan lebih terperinci berkenaan kepercayaan Hindu terhadap lembu dan persepsi mereka terhadap ritual korban dalam Islam.

AMALAN KORBAN DALAM ISLAM

Istilah Korban dari segi bahasa berasal daripada perkataan Arab yang membawa maksud pendekatan. Korban merupakan ibadat bertujuan untuk menghampirkan diri kepada Allah SWT menerusi sembelihan binatang ternakan (lembu, kambing, kerbau dan lain-lain) pada 10 Zulhijjah atau tiga hari selepasnya (hari tasyrik) dengan mengagihkan sebahagian daripada daging itu kepada fakir miskin. Dalam bahasa Arab pula, ibadah korban itu lebih masyhur dengan perkataan *udhīyah* yang membawa maksud pengorbanan. Sebahagian ulama mengatakan asal perkataan itu ialah daripada "waktu dhuha" kerana bermulanya penyembelihan ialah pada waktu dhuha. Manakala terdapat juga pendapat yang lebih masyhur jika diḍammahkan huruf hamzah pada perkataan *udhīyah* maka ia membawa maksud binatang sembelihan dari kalangan *al-an'am* (binatang ternakan) yang disembelih pada Hari Raya Korban.

Dari sudut istilah pula, Syeikh Mustafa al-Bugha (2009) dalam kitabnya *Fiqh al-Manhaji* menyebutkan bahawa korban ialah sembelihan binatang iaitu unta, lembu, kambing, dan biri-biri dengan tujuan untuk mendekati diri kepada Allah SWT. Ia dilakukan pada Hari Raya korban. Begitu juga bagi Syeikh al-Khātib al-Sharbīnī (2012) dalam kitab *al-Iqna'* mengatakan bahawa "dinamakan ia dengan awal masa melakukannya iaitu "ضحى" dengan dhammah hamzahnya dan kasrahnya dan tasydid ya`anya dan takhfifnya adalah haiwan na`am ang disembelih kerana mendekati diri kepada Allah SWT bermula dari hari raya hingga akhir hari tasyrik. Korban pula terbahagi pada dua iaitu korban sunat dan korban wajib iaitu korban yang dinazarkan.

Syariat korban telah wujud dari zaman Nabi Adam AS iaitu apabila kedua-dua anaknya Habil dan Qabil diminta untuk melaksanakan korban. Firman Allah SWT:

وَاتْلُ عَلَيْهِمْ نَبَأَ ابْنَيْ آدَمَ بِالْحَقِّ إِذْ قَرَّبَا قُرْبَانًا فَتُقْبِلَ مِنْ أَحَدِهِمَا وَمَ تَقْبَلِ مِنَ الْآخَرِ قَالَ
لَأَقْتُلَنَّكَ قَالَ إِنَّمَا يَتَقَبَّلُ اللَّهُ مِنَ الْمُتَّقِينَ

Maksudnya: "Dan bacakanlah ke atas mereka itu berkenaan berita dua anak Nabi Adam dengan kebenaran, ketika mana keduanya melaksanakan ibadah korban, lalu diterima korban salah seorangnya dan tidak diterima korban yang satu lagi. (Qabil) berkata: Nescaya aku akan membunuh kamu. Sesungguhnya Allah hanya menerima dari kalangan orang yang bertakwa." (Al-Maidah 5: 27)

Berdasarkan ayat di atas, jelas menunjukkan bahawa perbuatan korban ada dinyatakan di dalam al-Quran. Sekiranya kita melihat kepada tafsiran para ulama terhadap ayat ini, ia sebagaimana yang disebutkan oleh Imam al-Hafiz Ibn Kathir ayat di atas merujuk kepada kisah dua anak Adam yang melaksanakan korban lalu diterima korban salah seorang dari mereka dan tidak diterima korban dari yang satu lagi. Salah seorangnya (Qabil) adalah merupakan pemilik kebun dan yang satu lagi merupakan pemilik kambing. Keduanya diperintahkan untuk melakukan korban. Pemilik kambing mempersembahkan kambing paling bernilai, paling gemuk, dan yang terbaik yang dimilikinya. Manakala pemilik kebun mempersembahkan

hasil tanamannya yang paling buruk dan tidak elok. Lalu Allah S.W.T menerima korban pemilik kambing dan tidak menerima korban pemilik kebun tersebut (Ibn Kathir, 2008).

KEDUDUKAN LEMBU DALAM AJARAN HINDU

Permulaan amalan penyucian lembu oleh masyarakat Hindu dapat dikaitkan dengan aspek ekonomi dan pertanian masyarakat India. Pada zaman pra-Hindu di India atau dikenali sebagai zaman Veda kuno, lembu disembelih dan dimakan dan merupakan salah satu makanan terpenting yang ditawarkan kepada para dewa dan dimakan oleh peserta-peserta dalam upacara agama Hindu (Achaya, K.T, 2002) Pada zaman Hindu klasik, lembu tidak dianggap sebagai haiwan yang istimewa mahupun suci seperti yang difahami dalam konteks hari ini (Jha, Dwijendra Narayan, 2002). Seiring dengan peredaran masa, golongan Brahmin menjadi kasta yang bertanggungjawab terhadap perlindungan binatang ternak daripada sebarang penyembelihan. Lembu menduduki kedudukan penting dalam ekonomi pertanian India. Dengan pengukuhan pertanian dan kepadatan penduduk India yang semakin meningkat, kekurangan bilangan lembu menjadi faktor penghalang utama terhadap pembangunan ekonomi dan mengancam ketersediaan haiwan bajak kepada para petani (Margo DeMello, 2012). Lembu dianggap sebagai penggerak ekonomi di India disebabkan fungsinya yang pelbagai seperti sebagai alat bajak, produk tenusu, lemak, dan sebagainya.

Harris Marvin seorang ahli antropologi teoritis paling kontroversial abad ke-20 memberikan teori mengenai kesucian lembu. Beliau menyatakan penggunaan agama, sosial, dan bahkan praktikal lembu, memperkuat keyakinan orang India terhadap kesucian haiwan tersebut. Mereka berpandangan lembu adalah haiwan suci dan tidak boleh disembelih. Lembu adalah sumber penting dalam menghasilkan susu dan produk tenusu yang lain. Haiwan ini juga digunakan untuk menarik pembajak dalam pertanian di samping susunya dijadikan minuman. Selain itu, kotoran lembu boleh dijadikan baja dan bahan api memasak serta menjadi sumber tenaga yang penting, malah tanduknya digunakan dalam industri kulit. Jelas di sini bahawa lembu dijadikan sebagai binatang utama dalam masyarakat Hindu kerana mempunyai banyak manfaat dengan kos penjagaan dan perbelanjaan ekonomi yang minimum. Ini kerana ia hanya memakan rumput dan tidak perlu kepada makanan yang susah disediakan, tidak memerlukan masa dan tenaga yang banyak untuk menjaganya, dan tidak perlu disediakan tempat tinggal seperti manusia (Harris Marvin, 1987).

Sudah difahami secara meluas bahawa antara ajaran utama dalam Hindu adalah penyucian lembu di kalangan masyarakatnya. Lembu dianggap sebagai binatang yang suci, maka menyembelih dan memakannya adalah tindakan yang tidak dapat diterima (Stephen K. Sanderson, 2011). Menurut aturan Karma dalam kepercayaan Hindu, membunuh haiwan g itu akan menghalang kitaran semula jadi kelahiran dan kematian haiwan itu dan oleh sebab yang demikian, haiwan itu harus dilahirkan semula dalam bentuk yang sama dengan kematiannya yang mana ia adalah tidak wajar.

Kebanyakan penganut Hindu yang bersungguh-sungguh mendalami ajaran agama Hindu akan berpantang daripada memakan daging lembu atau apa-apa yang berkaitan dengan lembu malahan banyak pula diantara mereka yang menempuh hidup sebagai *vegetarian*. Mereka yang tidak memakan daging lembu bukanlah kerana mereka menganggap lembu itu haram ataupun jijik tetapi ia sebagai tanda penghormatan kepada lembu. Terdapat sekurang-kurangnya dua alasan utama masyarakat Hindu berpantang makan daging lembu, iaitu:

- i. Lembu itu diagungkan oleh Kitab suci Hindu, ia diangkat sebagai binatang suci dan lambang alam semesta.
- ii. Sebagai perwujudan ajaran *Ahimsa* yang bermaksud tidak boleh membunuh atau melakukan kekerasan. (Ketut Wiana, 1993)

Secara keseluruhan, penganut Hindu mempercayai bahawa lembu merupakan haiwan yang suci. Membunuh serta memakannya adalah satu kesalahan dalam ajaran Hindu. Kepercayaan Hindu dalam isu menyakiti haiwan terkait secara tidak langsung dengan ajaran Jaina yang melarang sama sekali menyakiti apa sahaja makhluk yang hidup kerana ianya dianggap sebagai satu kezaliman (Ghazali Basri, 2014).

Selain itu, lembu merupakan binatang yang dihormati, diagungkan serta dimuliakan oleh masyarakat Hindu kerana ia dianggap sebagai tempat bersemayam bagi para dewa-dewi. Lembu merupakan binatang pilihan para dewa-dewi kerana lembu merupakan binatang yang memberikan kehidupan pada alam semesta. Para pengikut Hindu menghargai, menghormati dan melindungi lembu sebagai jalan bakti kepada Tuhan. Dengan jalan bakti tersebut maka mereka akan mendapatkan kesempurnaan dalam hidup mereka. Mereka mempersembahkan doa-doa serta pujian untuk lembu kerana telah memberikan kehidupan dan kemakmuran. Menurut Sri Radha Govindaji (1998), dalam mitologi dan falsafah masyarakat Hindu, Lembu merupakan kenderaan Dewa Siva. Lembu dikenali sebagai *Nandini* yang setia kepada Dewa Siva. Dalam setiap perjalanan Dewa Siva, *Nandini* selalu setia menghantarkannya. Dalam suatu cerita, *Nandini* rela meninggalkan keluarganya demi menghantar Dewa Siva. Maka lembu dianggap sebagai binatang yang terhormat, kerana mampu menyerahkan dirinya untuk melayani dewa. Kerana rasa hormat dan kagum dari masyarakat hindu itulah yang menyebabkan lembu sangat dihormati (Kadek Sumila, 2017).

Krishna, salah satu bentuk jelmaan tuhan yang paling dihormati juga cenderung kepada lembu. Dewa Krishna sangat menyukai lembu sehinggakan dia ingin menjadi pengembala lembu. Krishna digelar sebagai Gopala yang bermaksud pelindung lembu. Gopala merupakan suatu lambang hubungan antara alam semesta beserta dengan segala isinya dengan Tuhan. Dewa Krishna merupakan penjelmaan Tuhan dalam tubuh manusia dengan tujuan untuk memelihara dan menjadi pelindung alam semesta dari kejahatan dan kerosakan (Made Darmayasa, 2009).

Lembu dikatakan tempat tinggal semua Tuhan. Setiap atom di dalam tubuh lembu adalah tempat tinggal 33 esensi tuhan antaranya Brahma dan Vishnu pada akar dua tanduk. Parvathi di pinggir kepala, Shankara di kepala pusat, Kartikeya di hidung, Kambala dan Ashwatara Devas di hidung, Ashwini Kumaras di telinga, Indra di leher, Dharma di paha, Moksha di kaki, dan selainnya. Selain itu juga, Kesemua 14 dunia dongeng wujud di kaki lembu (Bhaktivedanta Swami Prabhupada, 2014).

Berdasarkan tradisi dan mitologi masyarakat Hindu, penghormatan terhadap lembu sehingga sekarang masih diamalkan oleh masyarakat Hindu. Lembu disebut sebagai *Kamadhenu* atau *Surabi* yang bermaksud ibu pertama dari semua ternakan. Lembu merupakan ibu dari semua makhluk yang memberikan kehidupan kepada alam semesta ini. Di negara India sendiri, penghormatan terhadap lembu dilihat dari segi masyarakat Hindu berpantang dari memakan daging lembu dan lebih memilih hidup sebagai *vegetarian*. Selain itu, sebagai salah satu cara menzahirkan rasa syukur mereka, masyarakat Hindu meletakkan patung-patung lembu di kuil-kuil tempat mereka melakukan sembahyang. Dengan begitu, rasa hormat kepada lembu akan selalu diingati oleh masyarakat Hindu.

Menurut Jero Sesepeuh Istri (2017), di dalam tubuh lembu bersemayamnya tiga puluh tiga dewa. Dewa-dewa tersebut bersemayam ditempat yang berbeza-beza, ada yang di perut, paha, punggung dan leher. Disebabkan keyakinan bahawa di tubuh lembu menjadi tempat bersemayam bagi para dewa-dewi, maka tidak mungkin diperbolehkan perbuatan menyembelih lembu. Masyarakat Hindu juga menghormati lembu sebagai perwujudan dari ajaran *ahimsa*. *Ahimsa* bermaksud tidak melakukan kekerasan dan tidak boleh membunuh semua makhluk yang bernyawa. Maka, sebagai rasa syukur kepada tuhan sepatutnya manusia saling menghormati sesama makhluk ciptaan tuhan seperti tidak membunuh binatang yang berkaki empat.

Dalam kitab Purana mengatakan bahawa Prithvi iaitu Dewi bumi adalah dalam bentuk seekor lembu, dan ia berjaya diekstrak menjadi pelbagai bahan yang bermanfaat untuk faedah manusia. Dalam Padmapurana, lembu adalah tempat kediaman Dewi Kekayaan. Ia juga mengatakan wujud hubungan baik antara lelaki dan lembu. Rumah tanpa seekor lembu seolah-olah rumah yang tiada kasih-sayang. Di dalam kitab Purana dan juga Itihasa, lembu atau lembu itu disebut sebagai Kamadhenu dan juga disebut sebagai Nandhini dan Surabi⁵ (Bhaktivedanta Swami Prabhupada, 2014).

Tuntasnya, Kitab-kitab Hindu mengangkat lembu sebagai anugerah yang dikurniakan kepada alam semesta dan ianya terkandung banyak kebaikan yang boleh dimanfaatkan dari haiwan tersebut seperti lemaknya, susunya dan sebagainya. Lembu merupakan sumber kekayaan dan kemewahan kerana lembu adalah tempat kediaman Dewi Kekayaan. Lembu juga menyuburkan kesihatan semua makhluk hidup.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan '*cross sectional*'. Pemilihan reka bentuk ini kerana ia bertepatan dan bersesuaian dengan objektif kajian yang ingin dicapai (Othman, 2017). Tujuan kajian ini dijalankan ialah menganalisis persepsi masyarakat Hindu terhadap ibadah korban dalam Islam. Kajian ini menggunakan teknik persampelan rawak mudah di mana sampel dipilih secara rawak. Teknik ini digunakan apabila populasi mempunyai teknik yang hampir seragam. Setiap unit dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih (Azizi et. al, 2017). Berdasarkan jadual Kreicie Morgan (1970), sebanyak 384 responden telah dipilih daripada tiga universiti awam di Selangor iaitu Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Putra Malaysia. Ini berdasarkan kepada penduduk Hindu di Selangor mencapai sekitar hampir 200,000 orang menurut perangkaan statistik (Statistik Malaysia 2011).

⁵ Dalam Bhasa Bharata dan Aryanaka Parwa dijelaskan bahawa Kamadhenu atau Lembu Nandhini adalah ibu pertama dari semua ternak. Kamadhenu yang juga disebut Surabi disebutkan sebagai dewi kekuatan dan kecakapan yang dapat memberikan susu kepada para Dewa dan Resi. Purana tersebut menegaskan semua ternak yang ada sekarang adalah keturunan dari Kamadhenu. Hal ini yang menyebabkan umumnya masyarakat Hindu di India amat sulit dijumpai yang memakan daging lembu, bahkan umumnya masyarakat Hindu di India tergolong vegetarian.

DAPATAN KAJIAN

DEMOGRAFI RESPONDEN

Jadual 1 menunjukkan latar belakang responden yang terdiri daripada 384 orang mahasiswa universiti di Selangor.

Jadual 1. Demografi responden

Item		N (%)
Umur	19-25	347 (90.4)
	26-32	37 (9.4)
Tahap pengajian	Diploma	2 (0.5)
	Ijazah Sarjana Muda	351 (91.4)
	Sarjana	27 (7.0)
	Doktor Falsafah	4 (1.0)
Rumah ibadat di kawasan kediaman	Surau/masjid	272 (70.8)
	Kuil Buddha	37 (9.6)
	Gereja Kristian	21 (5.5)
	Kuil Hindu	54 (14.1)
Penganut agama majoriti di penempatan	Islam	258 (67.2)
	Buddha	56 (14.6)
	Kristian	23 (6.0)
	Hindu	46 (12.0)
	Tao	1 (0.3)
Mempunyai rakan Muslim	Ya	366 (95.3)
	Tidak	19 (4.7)
Mempunyai jiran Muslim	Ya	283 (73.7)
	Tidak	103 (26.3)

Kajian ini melibatkan seramai 384 orang responden dalam kalangan mahasiswa universiti di Selangor. Majoriti daripada mereka (90.4 peratus) berusia dalam lingkungan 19 ke 25 tahun iaitu purata umur mereka yang berada di pengajian peringkat tertier. Dari segi tahap pengajian pula, majoriti mereka (91.4 peratus) sedang melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda manakala bakinya berada pada peringkat diploma, sarjana dan doktor falsafah. Nisbah ini merupakan gambaran umum jumlah pelajar yang berada di universiti iaitu sarjana muda mempunyai peratusan yang terbesa jika dibandingkan dengan peringkat pengajian yang lain.

Berhubung rumah ibadat yang paling hampir dengan penempatan mereka, hampir majoriti responden (70.8 peratus) menyatakan surau atau masjid merupakan rumah ibadah yang berada di kawasan tempat tinggal mereka manakala sebahagiannya menyatakan kuil Hindu (14.1 peratus). Ini memberi gambaran awal bahawa kebanyakan responden tinggal dan membesar dalam komuniti yang mempunyai peratusan besar umat Islam. Di samping itu, kedudukan agama Islam sebagai agama persekutuan juga menjadi faktor penubuhan surau dan masjid yang lebih banyak di pelbagai tempat. Perkara ini dapat dilihat apabila lebih daripada separuh responden (67.2 peratus) menyatakan bahawa Muslim merupakan penduduk majoriti yang berada di kawasan perumahan mereka.

Keterlibatan responden dengan masyarakat Muslim juga dilihat tidak menjadi perkara yang asing apabila majoriti mereka (95.3 peratus) mempunyai rakan-rakan yang beragama Islam di samping kebanyakan mereka (73.7 peratus) mempunyai jiran Muslim. Hubungan antara responden yang beragama Hindu dengan masyarakat Muslim ini sekali gus memberi sumbangan baik terhadap kajian yang dilakukan kerana tujuannya adalah untuk menilai persepsi masyarakat Hindu terhadap ibadah korban menurut Islam.

TAHAP PERSEPSI MASYARAKAT HINDU TERHADAP IBADAH KORBAN DALAM ISLAM

Hasil daripada soal selidik yang diedar kepada responden menunjukkan tahap persepsi masyarakat Hindu terhadap ibadah korban dalam Islam berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min 4.38. Dapatan ini membuktikan bahawa secara umumnya, masyarakat Hindu mempunyai tahap toleransi yang baik dengan masyarakat Muslim di Malaysia berdasarkan kepada pengalaman dan hubungan antara yang sekian lama terbina. Jadual 2 menunjukkan perincian dapatan berhubung persepsi masyarakat Hindu terhadap ibadah korban dalam Islam berdasarkan setiap item soal selidik.

Jadual 2. Persepsi masyarakat Hindu terhadap ibadah korban

Item	N (%)					Min	Tahap
	Sangat Tidak Setuju	Tidak setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat setuju		
Saya percaya amalan korban Islam melibatkan penyembelihan lembu.	6 (1.6)	11 (2.9)	29 (7.6)	210 (54.7)	128 (33.3)	4.15	Tinggi
Saya percaya amalan korban merupakan ritual dalam Islam.	4 (1.0)	4 (1.0)	30 (7.8)	191 (49.7)	155 (40.4)	4.27	Tinggi
Saya merasa sedih apabila melihat lembu disembelih.	44 (11.5)	41 (10.7)	45 (11.7)	109 (28.4)	145 (37.8)	3.70	Tinggi
Saya tidak selesa melihat video penyembelihan lembu ditularkan di media sosial.	14 (3.6)	13 (3.4)	36 (9.4)	151 (39.3)	170 (44.3)	4.17	Tinggi
Saya percaya amalan korban dijalankan dengan tatacara yang tersendiri.	4 (1.0)	4 (1.0)	54 (14.1)	191 (49.7)	131 (34.1)	4.15	Tinggi
Saya menghormati kaedah penyembelihan lembu yang dilakukan umat Islam.	10 (2.6)	18 (4.7)	51 (13.3)	159 (41.4)	146 (38.0)	4.08	Tinggi

Saya percaya Islam tidak melarang penganutnya memakan lembu.	4 (1.0)	7 (1.8)	61 (15.9)	124 (32.3)	188 (49.0)	4.26	Tinggi
Saya percaya Islam tidak menyucikan lembu sepertimana dalam ajaran Hindu.	43 (11.2)	42 (10.9)	101 (26.3)	96 (25.0)	102 (26.6)	3.45	Sederhana
Saya melihat bahawa amalan korban dalam Islam tidak menjejaskan kepercayaan Hindu terhadap kesucian lembu.	14 (3.6)	14 (3.6)	67 (17.4)	164 (42.7)	124 (32.3)	4.04	Tinggi
Saya selesa berjiran dengan penganut agama Islam.	2 (0.5)	17 (4.4)	54 (14.1)	191 (49.7)	120 (31.3)	4.07	Tinggi
Saya merasakan amalan korban menyentuh sensitiviti masyarakat Hindu.	47 (12.2)	56 (14.6)	114 (29.7)	114 (29.7)	53 (13.8)	3.18	Sederhana
Saya mengelak untuk berada berdekatan dengan upacara korban Islam.	28 (7.3)	45 (11.7)	68 (17.7)	143 (37.2)	100 (26.0)	3.63	Sederhana
Saya melarang ahli keluarga daripada menyaksikan amalan korban Islam.	39 (10.2)	53 (13.8)	65 (16.9)	145 (37.8)	82 (21.4)	3.46	Sederhana
Saya selesa menghadiri jemputan perayaan korban Islam.	50 (13.0)	78 (20.3)	75 (19.5)	103 (26.8)	78 (20.3)	3.21	Sederhana
Saya selesa makan bersama dengan penganut Islam yang memakan daging lembu.	27 (7.0)	50 (13.0)	62 (16.1)	145 (37.8)	100 (26.0)	3.63	Sederhana
Saya akan menghadiri majlis jemputan orang Islam yang turut menghidangkan daging lembu.	30 (7.8)	51 (13.3)	76 (19.8)	134 (34.9)	93 (24.2)	3.54	Sederhana
Saya tiada masalah mengenai amalan korban oleh umat Islam.	13 (3.4)	13 (3.4)	59 (15.4)	167 (43.5)	132 (34.4)	4.02	Tinggi
Saya tidak memakan daging lembu.	15 (3.9)	3 (0.8)	12 (3.1)	57 (14.8)	297 (77.3)	4.61	Tinggi
JUMLAH MIN						4.38	Tinggi

Berdasarkan jadual di atas, didapati majoriti responden (88 peratus) mengetahui bahawa amalan ibadah korban dalam Islam melibatkan penyembelihan lembu. Selain itu, majoriti mereka (90.1 peratus) juga mengetahui bahawa ibadah korban termasuk dalam amalan ritual

bagi umat Islam. Ini menunjukkan bahawa masyarakat Hindu secara umumnya mengetahui dan mempunyai gambaran tentang ibadah korban dalam Islam yang melibatkan penyembelihan lembu.

Lebih daripada separuh responden (66.6 peratus) mengakui mereka berasa sedih jika melihat penyembelihan lembu manakala sebahagian lagi (22.2 peratus) tidak merasa sedih dengan aktiviti tersebut. Namun, jika amalan penyembelihan ditularkan di media sosial, majoriti responden (83.6 peratus) mengakui merasa tidak selesa melihatnya. Ini bermakna meskipun tidak semua mereka merasakan sedih dengan penyembelihan lembu, tetapi untuk ia ditularkan ia adalah tidak wajar dan boleh menyentuh sensitiviti masyarakat Hindu.

Berhubung perlaksanaan korban, terdapat segelintir responden (2 peratus) yang tidak mengetahui bahawa ia berkait dengan tatacara tertentu menurut ajaran Islam. Sebaliknya, majoriti mereka (83.8 peratus) mengetahui bahawa amalan korban dalam Islam tertakluk kepada syarat tertentu. Pengetahuan dan kepercayaan tentang perkara ini juga mendorong majoriti mereka (79.4 peratus) untuk menghormati kaedah penyembelihan lembu yang diamalkan oleh komuniti Muslim Malaysia. Ini berkait dengan pengetahuan umum mereka (81.3 peratus) bahawa umat Islam tidak dilarang daripada memakan daging lembu.

Justeru, persepsi mereka terhadap amalan korban umat Islam berkait rapat dengan pengetahuan mereka tentang ajaran Islam itu sendiri. Pendedahan yang diberikan sama ada melalui pendidikan atau pergaulan dalam masyarakat sedikit sebanyak memberi gambaran kepada masyarakat Hindu akan bentuk ibadah umat Islam.

Namun begitu, hanya separuh daripada mereka (51.6 peratus) memahami bahawa kedudukan lembu dalam Islam mempunyai perbezaan dengan Hindu. Manakala separuh lagi beranggapan bahawa lembu turut disucikan dalam Islam walaupun ia dijadikan binatang sembelihan dalam korban dan makanan harian umatnya.

Di samping itu, hampir majoriti (75 peratus) masyarakat Hindu tidak melihat korban dalam Islam sebagai satu ancaman kepada kepercayaan mereka berhubung kesucian lembu. Malah, majoriti mereka (81 peratus) mengakui selesa hidup berjiran dengan masyarakat Muslim. Ini sekali lagi mengukuhkan pandangan bahawa masyarakat majmuk di Malaysia tidak mempunyai masalah dalam menjalani hidup bersama secara damai dan harmoni.

Lebih daripada separuh responden (56.5 peratus) tidak merasakan amalan korban menyentuh sensitiviti masyarakat Hindu berbanding sebahagian lagi (43.5 peratus) merasakan sebaliknya. Ini kerana amalan korban melibatkan penyembelihan lembu yang merupakan haiwan suci menurut agama mereka. Justeru, tidak hairan apabila sebahagian besar mereka (63.2 peratus) mengelak untuk berada berdekatan dengan upacara korban Islam. Malah, mereka (59.2 peratus) turut melarang ahli keluarga daripada menyaksikan amalan korban Islam.

Ini bermakna, meskipun masyarakat Hindu mengetahui dan menghormati ibadah korban yang diamalkan oleh umat Islam, mereka tetap merasakan sedih apabila melihat aktiviti penyembelihan lembu. Maka, mereka memilih untuk mengelakkan diri dan ahli keluarga daripada menyaksikannya. Sikap ini merupakan sebahagian daripada bentuk toleransi yang ada pada masyarakat Hindu Malaysia kerana rasa sensitif mereka tidak mendorong mereka untuk bertindak agresif seperti yang berlaku di India.

Menjadi amalan masyarakat negara ini untuk mengadakan jamuan dan kenduri makan atau rumah terbuka sempena sambutan perayaan tertentu. Jika ia dianjurkan, maka masyarakat berbilang kaum khususnya jiran dan rakan-rakan terdekat akan dijemput untuk meraikannya bersama. Sehubungan itu, hampir separuh responden Hindu (47.1 peratus) mengakui selesa

menghadiri jemputan perayaan korban Islam atau disebut sebagai Hari Raya Haji. Di samping lebih daripada separuh mereka (63.8 peratus) tidak mempunyai masalah untuk makan bersama dengan penganut Islam yang memakan daging lembu dan mereka (59.1 peratus) juga sedia untuk menghadiri majlis jemputan orang Islam yang turut menghidangkan daging lembu.

Rasa selesa bersama dengan masyarakat Islam yang memakan daging lembu dan kesediaan untuk menghadiri majlis makan yang dihidangkan juadah terdiri daripada daging lembu ini dilihat tidak menyebabkan masyarakat Hindu melanggar kepercayaan terhadap penyucian lembu. Perkara tersebut terbukti apabila hampir keseluruhan responden (92.1 peratus) menegaskan bahawa mereka tidak memakan daging lembu.

PERBINCANGAN

Hasil kajian mendapati, tahap persepsi masyarakat Hindu terhadap amalan korban dalam Islam adalah pada tahap tinggi dengan nilai min 4.38. Keseluruhannya, masyarakat Hindu di Malaysia mempunyai persepsi yang baik terhadap ibadah korban dalam Islam walaupun mereka mengetahui terdapat penyembelihan lembu dalam amalan ini. Dapatan ini berpunca daripada beberapa faktor seperti pengetahuan mereka berhubung kepercayaan umat Islam, sikap toleransi antara masyarakat berbilang bangsa dan agama serta pergaulan yang baik dengan masyarakat Muslim. Kajian ini selaras dengan kajian persepsi Muslim dan non-Muslim terhadap hubungan interaksi antara agama oleh Muhammad Nazmi Abd Halim (2016) menunjukkan, penganut Islam dan bukan Islam kedua-duanya mempunyai persepsi yang positif terhadap hubungan interaksi antara agama.

Walaupun dalam dapatan kajian ini terdapat segelintir masyarakat yang merasakan ibadah korban boleh menyentuh sensitiviti masyarakat Hindu kerana ia melibatkan haiwan suci menurut agama mereka, namun secara umumnya masyarakat dapat menghormati ritual korban dalam Islam. Hal ini menunjukkan bagaimana persepsi setiap individu berbeza hasil daripada corak kefahaman dan kecenderungan serta pengalaman yang mungkin membentuk persepsi yang berbeza (Nur Farhana & Khadijah, 2013).

Meskipun seseorang dianggap komited terhadap agamanya serta sumber maklumat kognitif yang diperolehi adalah bersifat positif, namun terdapat faktor-faktor lain yang turut menyumbang kepada penghasilan persepsi seseorang sebagai contoh faktor pengalaman dan juga persekitaran (Muhammad Nazmi 2016). Dalam konteks lain, terdapat juga kajian yang mendapati persepsi negatif lahir daripada pandangan terhadap umat Islam secara umum (Ahmad Redzwuan Mohd Yunus, 2003). Hasil kajian mendapati persepsi mereka terhadap agama Islam adalah baik namun persepsi mereka terhadap penganut Islam hanya berada pada tahap sederhana. Dalam isu kejiranan dan muamalah, masyarakat India tidak rasa terganggu dengan aktiviti yang dijalankan di surau. Namun begitu mereka mempunyai persepsi yang negatif terhadap umat Islam dengan beranggapan bahawa umat Islam adalah umat yang lemah dan ekstrem. Hal ini mungkin berlaku hasil daripada generalisasi secara umum terhadap keadaan umat Islam di seluruh dunia.

Justeru, Muslim perlu memelihara adab dalam berkorban dan bermasyarakat dengan mengelakkan perbuatan yang boleh mencalarakan keharmonian hubungan dalam masyarakat seperti dengan menularkan penyembelihan lembu dengan niat provokasi atau mengejek-ejek atau menyiksa haiwan tersebut ketika sembelihan dilakukan atau seumpamanya. Dengan memelihara adab dan kesantunan dalam berkorban, ruh korban akan dapat dicapai dan keharmonian masyarakat akan terus dipelihara.

Secara keseluruhannya, kajian menunjukkan persepsi non-Muslim terhadap non-Muslim secara umumnya terbentuk hasil daripada tiga faktor utama iaitu perspektif yang memberi persepsi itu sendiri iaitu pengalaman mereka berinteraksi dengan orang Islam, hubungan antara jiran dan kenalan dan sebagainya. Kedua, situasi sekeliling iaitu keadaan umat Islam masa kini dan ketiga objek yang dipersepsikan iaitu ajaran Islam itu sendiri. Terdapat kajian yang menunjukkan persepsi positif terhadap agama Islam namun tahap persepsi masyarakat non-Muslim terhadap umat Islam adalah sederhana Mustafa Kamal Amat Misra (2012). Dalam kajian lain yang menunjukkan keadaan umat Islam yang diselubungi dengan pelbagai isu dan masalah menyebabkan persepsi terhadap Islam menjadi negatif. Kebarangkalian wujudnya persepsi yang negatif juga adalah hasil daripada pengalaman interaksi yang lalu yang agak negatif menyebabkan lahirnya persepsi negatif terhadap umat Islam.

KESIMPULAN

Hasil daripada soal selidik tinjauan yang dijalankan, masyarakat Hindu didapati mempunyai persepsi yang baik terhadap ibadah korban dalam Islam. Ini dibuktikan apabila mereka mempunyai gambaran berhubung ibadah korban yang dijalankan seperti tujuan ia dilakukan, jenis haiwan yang terlibat dan tatacara yang perlu dipatuhi oleh masyarakat Muslim. Atas pengetahuan ini, masyarakat Hindu di Malaysia mengambil sikap menghormati ibadah korban Muslim dan meyakini bahawa ia tidak akan menjejaskan kepercayaan mereka terhadap kesucian lembu. Persepsi ini dilihat mempunyai kaitan dengan pergaulan baik antara mereka dengan masyarakat Muslim secara langsung sama ada sebagai rakan mahupun jiran.

Walaupun begitu, sensitiviti mereka tetap perlu diberikan perhatian oleh masyarakat Muslim. Antara caranya ialah dengan tidak menularkan aktiviti korban di media sosial dengan tujuan membuat provokasi kepada masyarakat Hindu. Umat Islam juga mesti memelihara dan mematuhi tatacara dan adab dalam menjalankan korban. Mereka juga perlu memahami bahawa masyarakat Hindu berasa tidak selesa berada bersama menyaksikan penyembelihan lembu. Jika ingin menjemput komuniti Hindu ke majlis atau jamuan makan, pilihan juadah selain lembu juga perlu disediakan sebagai kaedah dakwah bil hikmah kepada mereka.

Berdasarkan persepsi masyarakat Hindu ini, dirumuskan bahawa mereka sentiasa berlapang dada dan terbuka untuk bergaul dengan masyarakat Islam selagi dasar saling menghormati antara penganut agama diamalkan. Justeru, sikap toleransi dan saling memahami merupakan kunci utama dalam keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia.

RUJUKAN

- Achaya, K. T, 2002. *A Historical Dictionary of Indian Food*. Oxford University Press.
- Ahmad Redzuwan & Badlihisam. 2003. Persepsi Masyarakat India Terhadap Agama dan Komuniti Islam Taman Kajang Utama dan Taman West Country. *Jurnal Islamiyyat*. 24,
- Al-Baghawi, Muhyiddin Abu Muhammad Husain bin Mas'ud. 1989. *Tafsir al-Baghawi*. Riyadh: Dar al-Thoyyibah.
- Azizi Yahaya et.al. 2017. *Kaedah Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Bhaktivedanta Swami Prabhupada. 2014. *Voice of Cows*. Sanak Sanatan Das.

- Cow Vigilantes in India. *Bloomberg*. 20 Februari 2019. Diakses pada 17 Jun 2019.
- Ghazali Basri. 2014. *Ilmu Perbandingan Agama: Satu Pengenalan*. Selangor: Kolej Dar al-Hikmah
- Harris Marvin. 1987. *The Sacred Cow and the Abominable Pig: Riddles of Food and Culture*. New York: Simon & Schuster
- Ibnu Katsir. 2008. Tafsir Ibnu Katsir. terj. Abdullah bin Muhammad, Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- Jero Sepuh Istri, 7 Mei 2017, Wawancara, Pura Penataran Luhur.
- Jha, Dwijendra Narayan. *The Myth of the Holy Cow*. London: Verso.
- Ketut Wiana. 1993. Pengantar buku oleh Made Dermayasa: "Keagungan Lembu Menurut Weda", Jakarta: Pustaka Manikgeni, hlm.1.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. 1970. Determining Sample Size for Research Activities
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. 1970. *Determining Sample Size for Research Activities*
- Lutfiyanti Andromedia. 2017. Lembu dalam perspektif umat Hindu di pura penataran luhur medang kamulan gresik, Surabaya.
- Made Darmayasa. 2009. Keagungan Lembu Menurut Weda, Bali: Manikgenik, hlm.9.
- Margo DeMello, 2012, [*Animals and Society: An Introduction to Human-animal Studies*](#), Columbia University Press.
- Muhammad Nazmi Abd Halim & Jaffary Awang. 2016. Tahap Persepsi Muslim Dan Non-Muslim Mengenai Hubungan Interaksi Antara Agama: Kajian Tinjauan Di Negeri Kedah Dan Selangor. *Journal of Social Sciences and Humanities* 11 (2) 104-124
- Mustafa Kamal Amat Misra & Jaffary Awang. 2012. Persepsi Wanita Buddha dan Wanita Muslim terhadap Dialog Agama: Kajian di Kuala Lumpur. *Jurnal al-Hikmah*. 4. 131-147
- Nur Farhana & Khambali@Hambali, Khadijah. 2013. Religious Tolerance in Malaysia: Problems and Challenges. *International Journal of Islamic Thought*, Vol 3.
- Protests held across India after attacks against Muslims. *Reuters*. 28 Jun 2017. Diakses pada 17 Jun 2019.
- Sri Radha Govindaji. 1998. *Cerita-cerita Rohani*. Radhastami: Sukadeva dasa
- Stephen K. Sanderson, 2011. Lembu yang Suci dan Babi yang Menjijikkan. Dlm. *Makrososiologi* (terj.). Jakarta: RajaGrafindo Persada (cet. ke-6). Hal. 79-83.